

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18 JAN 2015

# Pendekatan '6E' perkasa belia

**KUALA LUMPUR 17 Jan.** - Datuk Seri Najib Tun Razak menekankan betapa pentingnya kerajaan berpegang kepada beberapa aspek yang dinamakan beliau sebagai pendekatan '6E' untuk memperkasakan golongan belia.

Perdana Menteri memberitahu, pendekatan tersebut merangkumi enam aspek iaitu penglibatan, pengupayaan, pendidikan, keusahawanan, perniagaan untuk masyarakat dan pengalaman.

Menurut beliau, penglibatan golongan belia dalam membantu kerajaan menggubal pelbagai dasar telah dipertingkatkan menerusi kewujudan Majlis Belia Malaysia (MBM), Parlimen Belia dan Majlis Perundingan Belia Negara.

"Mungkin pada masa depan, kita boleh mewujudkan platform media sosial dan semua itu kita gabungkan supaya tahap penglibatan golongan

belia meningkat," katanya ketika berucap merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Kali Ke-63 MBM di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin; timbalannya, Datuk M. Saravanan; Presiden MBM, Mohamed Maliki Mohamed Rapiee dan Pengerusi Jawatankuasa Kerjasama Belia ASEAN, Srisak Thiarry.

Najib yang juga Penaung MBM berkata, pengupayaan generasi muda dapat dilihat menerusi peluang-peluang yang dibuka dalam pelbagai kerjaya termasuk sebagai wakil rakyat di peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) serta anggota pentadbiran kerajaan.

Sehubungan itu, beliau turut mengalu-alukan keputusan MBM untuk mengikut kriteria antara-bangsa bagi takrif umur belia iaitu antara 15 hingga 30 tahun mulai

2018.

"Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) juga akan dikaji semula kerana kita memikirkan bahawa soal kemahiran itu penting dalam usaha melahirkan belia berpendapatan tinggi.

"Belia akan diberi kemahiran, disiplin dan semangat patriotisme. Jadi, apabila keluar daripada PLKN, mereka ada nilai pasaran yang lebih tinggi," jelasnya.

Perdana Menteri menambah, aspek pendidikan bagi golongan belia perlu memberi keutamaan kepada pembangunan bakat manakala penglibatan mereka dalam bidang keusahawanan boleh menjana kemakmuran kepada negara.

"Perniagaan yang dijalankan juga bukan bertujuan mengumpul kekayaan peribadi tetapi seharusnya memberi manfaat kepada masyarakat dan negara," ujarnya.

UM-18/1/2015